

KERAJAAN MALAYSIA

TAMBAHAN KEDUA
SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN

BIL. 2 TAHUN 1995

**TATACARA PENYEDIAAN, PENILAIAN
DAN PENERIMAAN**

Dikelilingkan Kepada:

Ketuan-Ketua Setiausaha Kementerian,
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,
Ketua-Ketua Badan-Badan Berkanun Persekutuan,
Y.B Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pihak-Phak Berkuasa Kerajaan Tempatan,
Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan,

Kementerian Kewangan Malaysia,
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan,
Kompleks Kerajaan Blok 9, Jalan Duta,
Karung Berkunci No. 11040,
50990 Kuala Lumpur

TAMBAHAN KEDUA
SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL 2 TAHUN 1995

**TATACARA PENYEDIAAN, PENILAIAN
DAN PENERIMAAN TENDER**

1. TUJUAN

1.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan memaklumkan kepada semua Kementerian/Jabatan/Badan-Badan Berkanun (Agensi Kerajaan) mengenai penggunaan **Wang Jaminan Pelaksanaan** sebagai satu pilihan bagi memenuhi keperluan **Bon Pelaksanaan** kepada kontraktor kerja tempatan.

1.2. Ianya juga bertujuan untuk membuat pindaan di para 15.6.2 dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 2 Tahun 1995 mengenai **Bayaran Pendahuluan**, dan untuk memansuhkan para 8.3 dalam SPP yang sama mengenai **Tender Lewat Diterima**.

2. LATARBELAKANG

2.1. Arahan Perbendaharaan (AP) 200.2 menetapkan bahawa sebelum sesuatu kerja dimulakan kontraktor perlu mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak lima peratus (5%) daripada harga keseluruhan kontrak. Bagi kontrak kerja yang bernilai kurang daripada RM 1 juta, kontraktor boleh memilih untuk mengemukakan dalam bentuk Jaminan Bank atau Jaminan Insurans sebagai Bon Pelaksanaan. Bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM 1 juta, Bon Pelaksanaan hanya boleh diterima dalam bentuk Jaminan

Bank sahaja. Perkara tersebut juga diperjelaskan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 2 Tahun 1995.

2.2. Bagi meringankan bebanan dan memudahkan kontraktor kerja tempatan mengemukakan Bon Pelaksanaan, Kerajaan bersetuju memberi pilihan tambahan iaitu dikenakan Wang Jaminan Pelaksanaan selain dari Jaminan Bank atau Jaminan Insurans.

3. DEFINISI WANG JAMINAN PELAKSANAAN

3.1. Wang Jaminan Pelaksanaan ialah satu kemudahan baru yang dibenarkan bagi memenuhi keperluan Bon Pelaksanaan. Wang tersebut adalah sebagai satu jaminan untuk melindungi kepentingan Kerajaan.

3.2. Wang Jaminan Pelaksanaan adalah bermaksud sejumlah wang yang dipegang oleh Kerajaan bagi memastikan kontraktor mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak yang ditandatangani.

3.3. Jumlah nilai Wang Jaminan Pelaksanaan adalah lima peratus (5%) daripada harga keseluruhan kontrak.

3.4. Kemudahan ini hanya dibenarkan kepada kontraktor kerja tempatan sahaja.

4. TATACARA PELAKSANAAN

4.1. Sekiranya kontraktor memilih kaedah Jaminan Bank atau Jaminan Insurans, maka peraturan semasa adalah terpakai ke atasnya.

4.2. Kontraktor yang memilih kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan, akan dikenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada bayaran interim pertama dan seterusnya sehingga ia mencapai jumlah lima peratus (5%) daripada harga kontrak asal.

4.3. Wang Jaminan Pelaksanaan yang dipotong daripada bayaran interim hendaklah dimasukkan ke dalam akaun deposit yang dinamakan **Wang Jaminan Pelaksanaan** (Kod 79507). Satu akaun subsidiari dan senarai lengkap kontraktor berkenaan yang menunjukkan butir terperinci setiap potongan Wang Jaminan Pelaksanaan dan baki bulanan dan tahunan hendaklah diselenggarakan secara teratur dan kemaskini.

4.4. Wang Jaminan Pelaksanaan tersebut akan dikembalikan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan dan setelah Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan.

4.5. Kontraktor yang berjaya dikehendaki mengisi pilihan kaedah Bon Pelaksanaan di dalam surat setujuterima seperti di Lampiran G2 (pindaan 1/98) sama ada:-

- (i) Jaminan Bank.
- (ii) Jaminan Insurans (Bagi kontrak kerja yang bernilai RM 1 juta kebawah sahaja).
- (iii) Wang Jaminan Pelaksanaan.

4.6. Mulai tarikh kuatkuasa SPP ini semua Surat Setujuterima kepada kontraktor kerja tempatan hendaklah menggunakan format seperti *Lampiran G2* (Pindaan 1/98).

5. PINDAAN DAN PEMBATALAN

5.1. Peraturan Mengenai Bon Pelaksanaan

5.1.1. Dengan berkuatkuasa SPP ini para 15.3.1 dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995 dibatalkan dan digantikan seperti berikut;

"15.3.1 Kontrak Kerja

15.3.1.1. Bon Pelaksanaan hendaklah dalam bentuk sama ada:-

- (i) Jaminan Bank daripada bank berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 yang menjalankan perniagaan di Malaysia;
- (ii) Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh Syarikat Insurans berlesen di bawah Akta Insurans 1963;
- (iii) Wang Jaminan Pelaksanaan.

- 15.3.1.2. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah dari tarikh kontrak dimulakan sehingga dua belas (12) bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.
- 15.3.1.3. Bon Pelaksanaan tersebut akan dikembalikan selepas Tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan dan selepas Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan.
- 15.3.1.4. Semua Jaminan Bank atau Jaminan Insurans untuk Bon Pelaksanaan hendaklah menggunakan borang khas di *Lampiran H1* (SPP Bil. 2 Tahun 1995).
- 15.3.1.5. Agensi Kerajaan hendaklah membuat laporan polis supaya tindakan dapat diambil sekiranya kes pemalsuan didapati berlaku. Agensi Kerajaan juga dikehendaki melaporkan segera kepada Pusat Khidmat Kontraktor dan tindakan membatalkan atau menggantung pendaftaran kontraktor berkenaan perlu diambil dengan serta merta.
- 15.3.1.6. Tindakan serta merta hendaklah diambil jika berlaku kelewatan untuk penyiapan projek **sama ada** gantirugi tertentu dan gantirugi ditetapkan dikenakan atau lanjutan masa diluluskan untuk melanjutkan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan berkenaan."

5.2. Bayaran Pendahuluan

5.2.1. Peraturan semasa menetapkan bahawa semua Bayaran Pendahuluan kepada kontraktor hendaklah dibuat daripada Kumpulan Wang Pendahuluan Pelbagai. Memandangkan peraturan ini sukar untuk dilaksanakan, maka peruntukan di para 15.6.2 dalam SPP Bil. 2 Tahun 1995 mengenai Bayaran Pendahuluan adalah dibatalkan dan diganti seperti berikut:

"15.6.2. Semua Bayaran Pendahuluan kepada kontraktor tempatan yang menjalankan kontrak kerja Kerajaan hendaklah dicajkan terus ke dalam Vot Berkenaan."

5.3. Tender Lewat Diterima

5.3.1. Dengan berkuatkuasa Arahan Perbendaharaan bertarikh 29 Disember 1997, maka para 8.3 dalam SPP Bil. 2 Tahun 1995 dibatalkan. Ini bererti tender yang lewat diterima dari waktu dan tarikh yang ditetapkan tidak boleh dipertimbangkan.


6. KUATKUASA

6.1. Tambahan Kedua Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995 ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan terpakai bagi semua kontrak kerja tempatan Kerajaan yang belum diputuskan pada tarikh Surat Pekeliling Perbendaharaan ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' DR. HJ. MOHD SHAHAR BIN SIDEK)
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan Malaysia.

Bertarikh: 24 Jun 1998

S/K.KEW/PK/1100/000000/10/31 Jd.2(22)

s.k. Akauntan Negara Malaysia
Ketua Audit Negara Malaysia
Semua Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri
Semua Ketua Bahagian Perbendaharaan Malaysia

cSPP295.zah

**SURAT SETUJUTERIMA TENDER
(KERJA)**

(J.K.R 203D-Pin 1/98)

KONTRAK NO :19
untuk kerja-kerja yang disebutkan di bawah ini dibuat padaharibulan
.....19 oleh pihak-pihak yang bertandatangan di bawah ini,
merujuk kepada Surat Setujuterima Tender yang menjadi sebahagian
daripada kontrak tersebut dan yang hendaklah dibaca dan diertikan
sedemikian.

.....
Tandatangan Kontraktor

.....
Tandatangan Pegawai

Nama Penuh :

Nama Penuh :

Atas Sifat :

Nama Jawatan:

Yang diberikan dengan sempurna
untuk menandatangani untuk dan
bagi pihak:

Untuk dan bagi pihak KERAJAAN

.....
Meteri atau Cop Kontraktor

Saksi :

Saksi :

Nama Penuh :

Nama Penuh :

Pekerjaan :

Nama Jawatan:

Alamat :

Alamat :

KERAJAAN

JABATAN KERJA RAYA

SURAT SETUJUTERIMA TENDER

Rujukan:

Pejabat:.....

.....

.....

.....

Tarikh:

Kepada:

.....

.....

(Kontraktor)

(Berdaftar dengan PKK dalam Kelas " ")

Tuan,

Tender untuk

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Tender tuan bagi kerja-kerja tersebut di atas berharga Ringgit
iaitu RM.....telah dipersetujui, tertakluk kepada had, syarat dan perjanjian dalam Dokumen Tender yang menjadi asas Tender ini dan juga kepada surat ini.

2. Tuan dikehendaki melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal dalam sedikit masa lagi. Bagaimanapun, sehinggalah Perjanjian Kontrak yang formal itu dilaksanakan, Tender tuan berserta Surat Setujuterima Tender ini akan menjadi kontrak yang sah mengikat di antara tuan dan Kerajaan.

3. Tuan akan diberitahu bila Dokumen Kontrak siap sedia untuk ditandatangani. Bagaimanapun sebelum Dokumen Kontrak ditandatangani, harga dan kadar harga dalam Jadual Kadar Harga dan/atau Ringkasan Tender atau Senarai Kuantiti, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Penguasa tentang kemunasabahnya tetapi Jumlah Harga Kontrak seperti tersebut di atas hendaklah tetap tidak berubah.

4. *Tuan dikehendaki menyatakan pilihan kaedah Bon Pelaksanaan sama ada:-

- (i) Jaminan Bank.
- (ii) Jaminan Insurans (bagi kontrak kerja yang bernilai RM1 juta ke bawah sahaja).
- (iii) Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah lima peratus (5%) harga kontrak.

5. Sebelum memulakan kerja-kerja, tuan adalah dikehendaki menyerahkan kepada Kerajaan atau Pegawai Penguasa perkara-perkara berikut:-

- (a) Bon Pelaksanaan sebanyak RM.....(merupakan 5% daripada Harga Kontrak Asal) secara Jaminan Bank atau Jaminan Insurans yang diluluskan (***Bagi kontraktor yang memilih kaedah Jaminan Bank atau Jaminan Insurans sahaja.***)
- (b) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) nilai insurans tidak kurang daripada RM
- (c) Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) dan/atau;
- (d) Polisi Insurans Pampasan Pekerja berjumlah tidak kurang daripada RM.....(merupakan anggaran jumlah pendapatan daripada pekerja-pekerja Kontraktor yang tidak termasuk di bawah Skim PERKESO).

Dengan syarat bahawa bagi memulakan kerja-kerja dan bukan maksud lain, tuan boleh menyerahkan Bon Pelaksanaan dan Nota Liputan bagi maksud polisi-polisi insurans tersebut dan resit-resit premium yang telah dibayar itu kepada Pegawai penguasa.

6. Bagaimanapun tuan dikehendaki menyerahkan Polisi Insurans untuk kerja-kerja dan segala polisi insurans lain yang berkenaan (jika belum diserahkan) menurut perenggan 5 di atas, sebelum melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal.

Nota: * Batalkan yang mana tidak berkenaan.

7. Tarikh milik tapak bina, seperti yang disebutkan dalam Syarat-syarat Kontrak, ialah pada; tetapi tiada apa-apa kerja di bawah Kontrak ini boleh dimulakan kecuali dan sehingga tuan mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah perenggan 5 surat ini.

8. Berdasarkan kepada Tempoh Siap Kerja yang ditenderkan selamaminggu, Tarikh Siap untuk seluruh kerja-kerja di bawah kontrak ini ialah

9. Surat ini dihantar kepada tuan dalam dua salinan. Sila kembalikan salinan asal, yang telah ditandatangani oleh tuan dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam tempohhari dari tarikh surat ini dan simpan salinannya.

.....
(Tandatangan Pegawai)

Nama Penuh:.....

Nama Jawatan:

Untuk dan bagi pihak Kerajaan.

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengaku penerimaan surat di atas dan salinannya telah disimpan.

.....
Tandatangan Kontraktor

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:

Nama Penuh:

Atas Sifat :

Nama Jawatan:

diberikan dengan sempurna untuk menandatangani untuk dan bagi pihak

Alamat :

.....
Meteri atau Cop Kontraktor

Tarikh :

Tarikh :

s.k.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kewangan,
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kerja Raya.

(u/p:)

Akauntan Perbendaharaan

Pengarah Pengurusan,
Ibu Pejabat JKR,
Kuala Lumpur.

Pengarah Cawangan
Ibu Pejabat JKR,
Kuala Lumpur.

Pengarah,
Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan,
Ibu Pejabat JKR,
Kuala Lumpur.

Pengarah JKR,
Negeri

Pengarah,
Pusat Khidmat Kontraktor,
Kementerian Pembangunan Usahawan,
Kuala Lumpur.

Ketua Setiausaha,)	
Kementerian Kebudayaan, Belia)	Sila berhubung
dan Sukan.)	dengan kontraktor
)	tersebut untuk
(u/p: Pengarah Belia))	maklumat
)	berkenaan
Ketua Pengarah,)	bilangan pekerja
Jabatan Tenaga Rakyat)	yang akan diambil
)	bekerja.
Pengarah,)	
Jabatan Tenaga Rakyat Negeri)	

Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah,
Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Penolong Pengarah Kanan,
Lembaga Hasil Dalam Negeri.
Cawangan Negeri

c.JKR.zah